

## LAMPIRAN A

### SKIM PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2009

<b>GRED</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>			
<b>Gred U19</b>	:	P1T1 RM827.94	-	P1T24 RM2177.15
		P2T1 RM880.88	-	P2T24 RM2298.18
		P3T1 RM935.33	-	P3T24 RM2423.63
<b>Gred U24</b>	:	P1T1 RM1932.06	-	P1T12 RM2863.79
		P2T1 RM2074.24	-	P2T12 RM3163.24
<b>Gred U26</b>	:	P1T1 RM2216.41	-	P1T9 RM3015.05
		P2T1 RM2429.67	-	P2T9 RM3300.87

#### SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - warganegara Malaysia;
  - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
    - tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Jururawat Masyarakat yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia; (Gaji permulaan ialah pada Gred U19: P1T7).dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Atendan Kesihatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
  - mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
  - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

#### PENETAPAN GAJI PERMULAAN

- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	4. Jururawat Masyarakat Gred U19 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	5. Jururawat Masyarakat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN</b>	6. Jururawat Masyarakat Gred U19 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	7. Jururawat Masyarakat Gred U19 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-  (a) memenuhi tempoh percubaan;  (b) hadir dengan jayanya kursus induksi; dan  (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
<b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
<b>PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN</b>	9. Jururawat Masyarakat hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED U24</b>	10. Jururawat Masyarakat Gred U19 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U24 kosong apabila telah:-  (a) disahkan dalam perkhidmatan;  (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;  (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan  (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED U26</b>	11. Jururawat Masyarakat Gred U24 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U26 yang kosong apabila telah:-  (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;  (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan  (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
<b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN JURURAWAT</b>	12. Jururawat Masyarakat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2003, JPA(S)324/14/24-2 (45)].